

27 OCT 1997

Tabung Haji-Filipina

TABUNG HAJI LABUR RM68 JUTA USAHASAMA KELAPA SAWIT DI FILIPINA

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Tabung Haji melabur RM68 juta dalam bidang perladangan dan perkilangan kelapa sawit di kawasan seluas 5,500 hektar di Lanao Del Sur, Mindanao dalam projek usahasama pertama yang melibatkan pengusaha Malaysia di Filipina.

Melalui usahasama itu Tabung Haji dan syarikat usahasamanya Janoub Philippines Incorporated, dijangka berupaya mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam bidang perladangan dan kemudiannya perkilangan, di samping pelbagai kegiatan ekonomi sampingan.

Majlis menandatangani kontrak usahasama kerja pembangunan ladang kelapa sawit itu ditandatangani di sini hari ini antara Ranao Palm Oil Ind. Inc (Rapalin), yang dilantik Tabung Haji dan Janoub sebagai pemborong utama dengan Agri Plus Development Sdn Bhd sebagai kontraktor utama pembangunan itu.

Rapalin diwakili Pegawai Eksekutifnya Bai Hajjah Norhatta manakala Agri Plus oleh Pengerusi Eksekutifnya Ismail Ahamad dengan disaksikan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi Janoub Datu Abul Khayr Alonto, yang juga pemilik tanah itu.

Penasihat Rapalin, Haji Abd Rahman Mohd Shah ketika bercakap kepada pemberita, berkata Tabung Haji memegang 60 peratus ekuiti dalam usahasama itu manakala bakinya oleh Janoub, yang memberi peluang kepadanya untuk memajukan sejumlah 30,000 hektar tanah untuk kelapa sawit.

Beliau berkata bagaimanapun Tabung Haji akan melihat dahulu perkembangan dan kemajuan projek fasa pertama seluas 5,500 hektar itu sebelum membuat keputusan untuk meluaskannya.

Projek itu diberi taraf projek perintis dengan menikmati pengecualian cukai tertentu.

Katanya, projek itu yang mendapat restu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Fidel Ramos, dijangka siap dalam tempoh dua tahun dan kilang kelapa sawit pula akan dibangunkan pada tahun 2000 bagi memproses buah sawit yang dihasilkan.

"Lembaga Pelaburan Wilayah (RBOI) memberi kelulusan untuk kami mengeksport 70 peratus daripada keluaran minyak sawit mentah tetapi kami menjangka di peringkat awal ini semuanya untuk pasaran tempatan di Filipina sahaja," kata Abd Rahman.

Menurutnya, kilang itu kelak dijangka mempunyai kapasiti memproses 30 tan buah kelapa sawit sejam di peringkat permulaan.

"Diharap dalam usaha ini sumbangan yang diberikan, termasuk pemindahan teknologi, akan dapat menepati keperluan pembangunan ekonomi di Mindanao khususnya dalam meningkatkan peluang kerja dan perkembangan ekonomi," katanya.

Ismail pula berkata bahawa Agri Plus yang akan memindahkan teknologi perladangan ke Filipina ialah syarikat perladangan Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan ladang. -- BERNAMA

MNY NMO